



# TATACARA PEMILIHAN KOMITI KELAB RADIO AMATUR BORNEO

## 1. JAWATAN YANG DIPERTANDINGKAN DAN DILANTIK.

1.1 Jawatan-jawatan untuk Komiti BARC yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:-  
(Rule 7).

No	Jawatan Yang Dipertandingkan	Jumlah Kekosongan Jawatan
1.	Presiden	1
2.	Timbalan Presiden	1
3.	Setiausaha	1
4.	Timbalan Setiausaha	1
5.	Bendahari	1
6.	Ahli Komiti Biasa / Pengarah	7 *salah seorang daripada Ahli Komiti Biasa/Pengarah mesti dilantik dari ahli SWL

**Nota:- Rule 3A (ii) – Director of Short Wave Listener mesti dilantik dari ahli SWL kelab.**

1.2 Jawatan-jawatan yang dilantik adalah seperti berikut:-

No	Jawatan Yang Dilantik	Jumlah Kekosongan Jawatan
1.	Pemegang Amanah	3
2.	Juruodit	2

Saya sebagai calon untuk pemilihan kelab telah membaca,  
memahami dan setuju Tatacara Pemilihan Komiti BARC ini.

Callsign /Tandatangan

## 2. KELAYAKAN CALON, PENCADANG, PENYOKONG DAN PENGUNDI.

### 2.1 Kelayakan Calon:-

- 2.1.1 Calon mestilah mengisi dan menandatangani borang pencalonan seperti didalam Lampiran A.
- 2.1.2 Manifesto (wajib) semua calon mestilah diserahkan kepada Pengerusi Pemilihan pada hari pemilihan.
- 2.1.3 Calon mesti lah sah keahliannya sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh pemilihan.
- 2.1.4 Calon-calon berikut **TIDAK LAYAK** bertanding dan akan dibatalkan pencalonannya serta-merta:-
  - 2.1.4.1. Calon yang telah pernah menyandang jawatan PRESIDEN atau BENDAHARI BARC sebanyak DUA (2) penggal BERTURUT-TURUT. Rule 7(b).
  - 2.1.4.2. Calon yang pernah menyandang jawatan di dalam Komite BARC sebanyak TIGA (3) kali BERTURUT-TURUT kecuali Jawatan Setiausaha – Rule 7(b).
  - 2.1.4.3. Calon yang telah diberikan keahlian ‘Honorary Member’ BARC **tidak layak menjadi calon dan tidak layak mengundi.**
  - 2.1.4.4. Calon yang masih memegang jawatan Komite/Ahli Lembaga Pengarah di mana-mana Kelab atau Persatuan Radio Amatur di Malaysia.
  - 2.1.4.5. Calon yang PERNAH menjawat Komite/Ahli Lembaga Pengarah di mana-mana Kelab atau Persatuan Radio Amatur di Malaysia, hanya dibenarkan untuk bertanding sekiranya tempoh perkhidmatan mereka dengan Kelab/Persatuan tersebut tamat dan melebihi satu (1) tahun dari tarikh pemilihan.
  - 2.1.4.6. Ahli yang bukan warganegara Malaysia – Rule 7 (a) (ii)
  - 2.1.4.7. Calon yang TIDAK menyertakan manifestonya.

### 2.2 Kelayakan Pencadang dan Penyokong.

- 2.2.1 Pencadang dan penyokong mestilah mengisi dan menandatangani borong pencalonan seperti dalam lampiran A.
- 2.2.2 Mesti merupakan ahli Kelab yang masih sah keahliannya sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh pemilihan komiti.
- 2.2.3 Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadang dan menyokong seorang calon untuk satu jawatan yang sama.
- 2.2.4 “Honorary Member” tidak boleh mencadang atau menyokong.

### 2.3 Kelayakan untuk mengundi (Pengundi).

- 2.3.1 Ahli-ahli yang layak untuk mengundi adalah seperti berikut:-
  - 2.3.1.1. Ahli Seumur Hidup (Life Membership).
  - 2.3.1.2. Transmitting/Ordinary dan SWL yang masih sah keahliannya sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh pemilihan/pengundian dijalankan.
  - 2.3.1.3. Transmitting/Ordinary dan SWL yang bukan warganegara Malaysia.

---

*Saya sebagai calon untuk pemilihan kelab telah membaca, memahami dan setuju Tatacara Pemilihan Komite BARC ini.*

**Callsign /Tandatangan**

---

### 3. PROSES PENCALONAN

- 3.1. Notis memanggil Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) atau Mesyuarat Luar Biasa (EGM), Borang Pencalonan dan Tatacara Pemilihan Komiti Kelab Radio Amatur Borneo akan dihantarkan oleh Kelab selewat-lewatnya 30 hari sebelum tarikh pemilihan.
- 3.3. Borang-borang pencalonan hendaklah dihantar kepada Komiti Pemilihan Kelab melalui pos, serahan tangan atau melalui emel [barc.borneo@gmail.com](mailto:barc.borneo@gmail.com), **selewat lewatnya seminggu sebelum tarikh pemilihan.** Komiti Pemilihan Kelab tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat kelewatan atau masalah semasa penghantaran borang pencalonan.

### 4. PENGUNDIAN / PEMILIHAN

- 4.1. Pada hari pemilihan dijalankan, ahli-ahli yang layak untuk mengundi akan diberikan kertas pemilihan/undi selepas AJK Kelab semasa dibubarkan.
- 4.5. Seorang SWL perlu dilantik walaupun SWL ini tidak mendapat 7 undian yang tertinggi. Sekiranya tiada SWL yang bertanding, bakal Presiden akan melantik mana-mana SWL di dalam Kelab untuk menjawat jawatan itu

### 5. Pengerusi Pemilihan

- 5.1. Apabila AJK semasa telah di bubarkan, Pemegang Amanah Kelab secara automatik akan dilantik sebagai Pengerusi Pemilihan Komiti BARC.
- 5.2. Pemegang Amanah Kelab akan diberikuasa semasa pemilihan untuk melantik sesiapa ahli Kelab untuk membantu proses pemilihan.
3. Tanggungjawab Komiti ini adalah untuk mengendalikan pemilihan Komiti BARC yang baru dengan telus dan berkecuali.

Tatacara pemilihan ini dicadang dan disokong oleh:-

Dicadang oleh

  
Timothy Kurin 9M6TK

Disokong oleh

  
b/p Lucius Solomon @ Baharuddin 9M6LS

---

*Saya sebagai calon untuk pemilihan kelab telah membaca, memahami dan setuju Tatacara Pemilihan Komiti BARC ini.*

**Callsign /Tandatangan**

---